

**PJ PAS Pulau Pinang antara yang terima dana Tekun, kata Fathul Bari
Malaysian Insider
Oct 10 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM**

Penasihat Syariah Tekun Nasional, Ustaz Fathul Bari (gambar) mendakwa Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang, Datuk Mohd. Salleh Man antara bukan ahli Umno yang menerima pinjaman dana Tekun.

Oleh itu, tidak berbangkit soal peminjam Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) hanya daripada ahli Umno sahaja sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Ketua Pengarah Eksekutif (CEO), Datuk Abdul Rahim Hassan.

Menurut ulama Umno itu, pemberian pinjaman Tekun kepada Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang itu adalah bukti bahawa dana Tekun tidak hanya diberi kepada ahli parti itu.

"Tekun tidak pernah membezakan siapa yang mahu meminjam kerana ramai yang bukan ahli parti turut mendapat manfaat daripada program ini seperti Datuk Salleh Man. Jika tidak percaya, kita memang ada rekod pinjaman beliau, malah Tekun juga pernah diberikan kepada kaum India. Jadi mana timbulnya Tekun ini hanya diberikan kepada ahli Umno saja," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider.

Jelas Fathul Bari beliau percaya kenyataan Ketua Pengarah tersebut hanya ingin mengingatkan bahawa idea penubuhan Tekun diasaskan oleh Umno ketika Konvesyen di Pulau Pinang pada 1994.

"Saya berada di situ dan memahami apa yang dimaksudkan oleh Rahim. Beliau hanya menceritakan sejarah penubuhan Tekun dan ketika itu beliau adalah tokoh yang bertanggungjawab membentangkan idea itu pada konvesyen. Jadi itulah kebenarannya," katanya.

Rahim dilaporkan berkata demikian semasa dalam Program Kerjasama Strategi Tekun Nasional & Sohonista di Kuala Lumpur, Rabu lalu.

Menurut Rahim, Tekun sememangnya ditubuhkan membantu ahli Umno atas usaha mahu memperkasakan ekonomi kaum Melayu dalam parti itu.

Bagaimana pun beliau menafikan Tekun menolak 100% permohonan mereka yang bukan daripada ahli Umno.

"Pembangkok selalu kata (Tekun) hanya memberi pinjaman kepada ahlinya. Kami punyai hak untuk mempertahankannya kerana ia adalah idea yang diasaskan parti.

"Namun, tidak bermakna kita tidak langsung mengendahkan permohonan lain, asalkan mereka kaum Bumiputera kami terima tetapi kepentingan sudah tentu kepada ahli Umno," katanya.

Kenyataan Rahim mendapat kritikan ramai pihak kerana dana Tekun adalah peruntukan daripada kerajaan.

Terbaru Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub mencabar pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) membantah kenyataan 'biadap' Rahim itu.

Salahuddin berkata, parti komponen BN seperti MCA, MIC, Gerakan dan PBB dilihat begitu takut untuk berkata walau sepetah pun untuk membantah kenyataan itu.

Katanya, dakwaan Rahim itu jelas menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab Umno dan ia adalah satu lagi manifestasi keangkuhan parti tersebut. – 10 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pj-pas-pulau-pinang-antara-yang-terima-dana-tekun-kata-fathul-bari>